

Kerap pantau **kebersihan** sungai

Jabatan Kesihatan Selangor guna pelbagai kaedah

Oleh **AHMAD ISYAFIQ MAD DESA**

am@mediaprima.com.my
Shah Alam

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor akan melakukan kajian dan pemantauan melalui pelbagai kaedah serta metodologi bagi memastikan Sungai Selangor bebas daripada bahan tercemar.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Azman Abu Bakar berkata, jabatan-nya sentiasa memantau kebersihan Sungai Selangor dan setiap persampelan sungai di negeri ini ditempatkan di Jabatan Kimia, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Azman berkata demikian ketika diminta mengulas hasil kajian pakar penyelidik air dari Universiti Kyoto Profesor Dr Nobumithu Sakai yang mendakwa Sungai Selangor dicemari bahan polychlorinated biphenyls (PCB) yang berpotensi mengakibatkan kanser terhadap haiwan dan manusia.

Difahamkan, berdasarkan hasil kajian Nobumithu yang kini berpusat di Universiti Malaya (UM), Sungai Kuala

Kubu Bharu mencatatkan pencemaran PCB yang minimum dan ia semakin meningkat sepanjang mengalir ke sungai di kawasan Rawang.

Berdasarkan kajian, PCB boleh menyebabkan kerosakan hati dan sistem saraf, gangguan kulit, demam panas, cirit-birit dan muntah jika terdedah kepada bahan itu secara berterusan.

“Kita mempunyai jabatan kimia yang menjalankan kajian pemeriksaan, persampelan dan pemantauan secara kerap di setiap sungai di negeri ini. Jika ada aduan sungai tercemar, kita akan mengambil langkah tertentu untuk atasi masalah ini.

“Menegenai hasil kajian Nobumithu Sakai, kita akan melakukan ujian dan persampelan melalui pelbagai kaedah dan pencampuran bahan kimia untuk memastikan sungai kita tidak dicemari bahan itu,” katanya ketika ditemui di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasakan Majlis Pelancaran Kempen Nak Sihat sempena



“Kita akan lakukan ujian dan persampelan melalui pelbagai kaedah dan pencampuran bahan kimia agar sungai kita tidak dicemari bahan itu”

Datuk Dr Azman Abu Bakar

Gegar 10,000 Langkah Merdeka bagi zon daerah Klang, Petaling dan Gombak yang turut disertai 1,500 pengunjung.

Sementara itu, dalam ucapannya, Azman berkata, masalah obesiti atau berat badan berlebihan menjadi musuh utama dalam kalangan penduduk di Malaysia dan semakin serius kerana ia punca kepada pelbagai penyakit kronik.

“Tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2011 menunjukkan prevalen berat badan berlebihan adalah 29.4 peratus dan obesiti sebanyak 15.1 peratus.

“Ia bermaksud 8.5 juta rakyat Malaysia mengalami masalah berat badan, manakala hampir 4.4 juta menghadapi masalah obes.

“Kita jangkakan jumlah ini akan meningkat setahun ke setahun jika gaya hidup sihat seperti memperbanyakkan aktiviti fizikal tidak disemai penduduk negara ini,” katanya.

Beliau turut menyarankan kepada orang awam melakukan senaman minimum tiga kali seminggu atau aktiviti fizikal ringan seperti berjalan 10,000 langkah setiap hari yang berpotensi tinggi meningkatkan metabolisme, di samping mengamalkan gaya hidup sihat.

7 kawasan terima bekalan lebih awal

Kuala Lumpur: Bekalan air yang terjejas akibat pencemaran diesel di Sungai Selangor minggu lalu kini pulih sepenuhnya, sekali gus menyelesaikan masalah air terhadap 880,000 akaun pengguna.

Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwat Awam SYABAS, Priscilla Alfred berkata, tujuh kawasan yang terjejas kini kembali menerima bekalan air bersih lebih awal daripada jangkaan.

“Kebiasaannya apabila masalah seperti ini berlaku, kita mempunyai pelan pemulihan iaitu selama tujuh hari. Namun, disebabkan kepantasan kumpulan jurutera kami, masalah ini diselesaikan lebih awal dan semua akaun yang terjejas mula menerima bekalan air bersih bermula kelmarin.

“Ia dapat dipercepatkan



PRISCILLA

sehari daripada jangkaan. Setidak-tidaknya, keperluan asas itu dapat disalurkan awal selain mengurangkan bebanan pengguna,” katanya.

Menurut Priscilla, pencemaran air seperti tumpahan minyak itu dapat dikesan dan dikawal lebih cepat dengan alat pengesan pencemaran air.

Katanya, tanpa alat terbahit, kemungkinan besar lebih banyak akaun akan terjejas.